

SIGNIFIKAN PENGANJURAN MAJLIS TILAWAH AL-QURAN DI MALAYSIA TERHADAP PERKEMBANGAN SENI TARANNUM TANAH AIR

Anuar bin Hasin
anuarhasin@usim.edu.my

Norazman bin Alias
norazman@usim.edu.my

Zainora bt Daud
zainora@usim.edu.my

Universiti Sains Islam Malaysia

ABSTRAK

Malaysia merupakan negara pertama di dunia yang telah menganjurkan pertandingan membaca Al-Quran iaitu pada tahun 1960. Dikenali sebagai Majlis Tilawah Al-Quran ataupun MTQ, penganjurannya bermula di peringkat Kebangsaan dan disusuli dengan peringkat Antarabangsa pada tahun 1961, majlis ini telah melahirkan qari dan qariah terkemuka di peringkat nasional dan internasional. Banyak negara-negara Islam lain di dunia kemudiannya telah mencontohi Malaysia dalam menganjurkan majlis perujian tilawah yang serupa dengan Malaysia antaranya Iran, Indonesia, Mesir, Kuwait dan lain-lain lagi. Majlis seumpama ini dilihat telah menyemarakkan lagi kecintaan umat Islam terhadap Kalamullah. Justeru, kertas kerja ini adalah untuk melihat sejauh mana penganjuran majlis ini memainkan peranan yang signifikan terhadap perkembangan seni tarannum Al-Quran di Malaysia khususnya dalam aspek melahirkan tokoh pakar dan tahap pengajian bidang ini di Malaysia. Selain itu, ia juga adalah untuk mengkaji kesan-kesan positif yang diperolehi oleh masyarakat Islam daripada penganjuran majlis ini saban tahun. Kaedah kualitatif diaplikasikan bagi tujuan memperolehi maklumat-maklumat yang berkaitan antaranya kajian keperpustakaan terhadap bahan-bahan berkaitan sejarah pengajuran majlis ini serta temubual bersama tokoh-tokoh qari dan qariah negara. Hasil kajian mendapati bahawa penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran di Malaysia adalah sangat penting khususnya dalam melahirkan qari dan qariah yang mempunyai mutu bacaan Al-Quran yang tinggi dan berkualiti selain menjadi pemangkin terhadap kewujudan institusi-institusi pendidikan yang menawarkan ruang pengajian dan kajian secara lebih tersusun dan sistematik serta diiktiraf bermula daripada peringkat rendah hinggalah di menara gading.

Kata Kunci: *Majlis Tilawah Al-Quran, Tarannum, Tokoh, Qari, Qariah*

Pengenalan

Bidang Tilawah Al-Quran merupakan sebuah bidang yang sangat berkait rapat dengan pembangunan kemahiran seni membaca Al-Quran di kalangan masyarakat beragama Islam Malaysia. Bidang ini tidak kurang pentingnya jika dibandingkan dengan bidang Tahfiz Al-Quran yang telah berkembang sejak sebelum kemerdekaan. Ini adalah kerana Al-Quran merupakan sebuah kitab suci yang diturunkan oleh Allah s.w.t sebagai petunjuk dan peringatan buat umat manusia, manakala membacanya dengan tartil merupakan suatu yang wajib ke atas setiap muslim seperti mana yang tercatat di dalam firmah yang bermaksud:

“Ataupun lebihkan (sedikit) daripadanya; dan bacalah Al-Quran dengan tartil.”

(Al-Muzzammil: 4)

Dalam usaha untuk melahirkan masyarakat muslim yang cemerlang di dalam bidang pembacaan Al-Quran berlagu, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia ataupun JAKIM telah melaksanakan pelbagai program yang berkaitan dengannya. Di antara program-program tersebut ialah pengajuran kelas-kelas tahsin Al-Quran di masjid-masjid, penerbitan rancangan Al-Quran di saluran televisyen RTM seperti rancangan Tadarus Al-Quran, Muqaddam, Tilawah Interaktif, dan lain-lain, penganjuran seminar dan bengkel tahsin Al-Quran, dan penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Penganjuran program-program seperti ini telah melahirkan para qari dan qariah yang berkualiti dari masa ke semasa. Pelaksanaan program-program ini juga telah banyak dibantu oleh jabatan-jabatan agama yang ada di setiap negeri di Malaysia.

Sejarah Penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran di Malaysia

Majlis Tilawah Al-Quran diiktiraf sebagai asas terhadap perkembangan kemahiran seni membaca Al-Quran khususnya secara bertarannum. Penganjuran majlis ini telah direalisasikan melalui pelbagai peringkat dimulai di peringkat daerah, disusuli di peringkat negeri, kemudiannya peringkat kebangsaan, dan akhir sekali di peringkat antarabangsa. Oleh yang demikian, majlis berbentuk pertandingan ini merupakan majlis yang sangat penting yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Malaysia untuk mencari dan mengetengahkan bakat-bakat berkualiti dalam bidang seni bacaan Al-Quran secara bertarannum.

Dari segi sejarah, idea penganjuran majlis ini telah dicetuskan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj, Perdana Menteri Malaysia yang pertama. Beliau telah mengatakan bahawa matlamat penganjuran majlis ini untuk memuliakan dan menyambut kedatangan bulan Ramadhan serta untuk meletakkan agama Islam di kedudukan yang tinggi dan betul selaras dengan kedudukannya sebagai agama rasmi bagi Malaysia (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007). Pada tahun 1951, pertandingan membaca Al-Quran telahpun dianjurkan di Kedah dan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj merupakan pengasas bagi pertandingan tersebut. Majlis tersebut kemudiannya telah menjadi acara tahunan bagi negeri Kedah. Kemudiannya pada tahun 1959, yakni selepas kemerdekaan, Tunku Abdul Rahman telah meluaskan lagi penganjurannya kepada negeri Johor dan Kedah. Setahun kemudiannya, iaitu pada tanggal 18 Mac 1960, kerajaan

Malaysia yang dipimpin beliau telah menganjurkan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang pertama. Ia telah diadakan di Dataran Merdeka dan disertai oleh 44 orang peserta dari 11 negeri pada ketika itu (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007).

Seterusnya, pada 9 Mac 1961, kerajaan telah mengorak langkah untuk menganjurkan Majlis Tilawah Al-Quran di peringkat yang lebih tinggi yakni antarabangsa. Hal tersebut telah direalisasikan dengan penyertaan sebanyak 7 buah negara pada ketika itu iaitu Singapura, Brunei, Indonesia, Thailand, Sarawak (sebelum menjadi sebahagian Malaysia), Filipina dan Tanah Melayu sendiri. Sebanyak 13 orang peserta telah mengambil bahagian dan johan pertama Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa pada ketika itu ialah Haji Ahmad bin Maasom Pergau dari Tanah Melayu (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008). Majlis Tilawah Al-Quran yang dianjurkan oleh Malaya pada ketika itu merupakan pertandingan membaca Al-Quran yang julung-julung kalinya diadakan di dunia. Belum ada mana-mana negara yang menganjurkannya sebelum itu. Justeru, banyak negara di luar kawasan Asia Tenggara telah menyatakan hasrat untuk mengambil bahagian selepas penganjurannya beberapa tahun kemudian (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2003).

Sehingga tahun 2020, Malaysia telah berjaya mengadakan majlis ini sebanyak 63 kali di peringkat kebangsaan dan 61 kali di peringkat antarabangsa. Manakala pada tahun 2020, kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia telah mengumumkan penangguhan penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa kerana susulan keputusan kerajaan agar semua perhimpunan termasuk acara yang melibatkan penyertaan dalam dan luar negara ditangguhkan berikutan situasi semasa wabak Covid-19 (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2020).

Metodologi

Artikel ini dihasilkan melalui suatu kajian kualitatif di mana pengkaji menggunakan kaedah kajian keperustakaan dengan menganalisis dokumen-dokumen berkaitan subjek serta bahan rujukan daripada sumber sekunder seperti buku, majalah, penulisan artikel yang dapat memberikan kesimpulan terhadap kajian. Selain itu pengkaji juga menggunakan kaedah temubual bersama beberapa tokoh yang berkaitan dengan pelaksanaan majlis tilawah Al-Quran iaitu pegawai dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia bagi tujuan mendapatkan gambaran jelas tentang perjalanan majlis tilawah yang sebenar.

Perbincangan

Elemen Seni Tarannum Di Dalam Majlis Tilawah Al-Quran

Seni Tarannum Al-Quran merujuk kepada sebuah ilmu yang membahaskan tentang kaedah-kaedah melagukan Al-Quran di samping meraikan hukum hakam tajwid, seni lagu dan juga seni suara. (Abdullah, 2010) Sistem persembahan tarannum di Malaysia mempunyai identitinya tersendiri antaranya ialah:

- a) Setiap persembahan hendaklah mengandungi beberapa jenis tarannum yang berlainan tanpa berulang;
- b) Setiap persembahan mengandungi beberapa tobaqat suara yang disusun mengikut tekniknyanya; dan
- c) Tarannum atau lagu pembukaan dan penutup mestilah daripada jenis yang sama dan sebaik-baiknya ialah tarannum Bayyati (Ismail, 2011).

Di dalam Majlis Tilawah Al-Quran yang di anjurkan JAKIM samada di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa, elemen tarannum merupakan elemen kedua terpenting di dalam pembacaan para peserta dan penghakiman tilawah itu sendiri.

Jadual 1: Pembahagian Markah

| Perkara | Markah |
|----------------|---------------|
| Tajwid | 35% |
| Tarannum | 25% |
| Suara | 20% |
| Fasohah | 20% |

Sumber: Peraturan MTQK Pindaan 2016

Jadual 1 menunjukkan pembahagian markah di dalam sistem penghakiman Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan. Ia menunjukkan bahawa bidang tarannum mewakili sebanyak 25% daripada markah keseluruhan iaitu merupakan wajaran markah ke-dua tertinggi di antara bidang-bidang yang lain. Manakala Tajwid pula mewakili sebanyak 35% markah iaitu wajaran markah tertinggi (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2017). Ini bermakna JAKIM telah meletakkan kedudukan tajwid paling tertinggi di dalam majlis ini selaras dengan tuntutan syariat yang memfardhukan bacaan bertajwid ke atas setiap muslim. Manakala tarannum diletakkan sebagai asas ke dua di dalam seni bacaan Al-Quran.

Menurut Abdul Karim (2012), hal ini menunjukkan bahawa penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran adalah memfokuskan terhadap usaha untuk melahirkan qari dan qariah yang mahir dalam bidang pembacaan Al-Quran secara berlagu. Di samping itu juga, mereka hendaklah memiliki kemahiran asas yang lain yang tidak kurang pentingnya seperti kemahiran dalam bidang tajwid, fasohah dan suara. Secara tidak langsung, dapatlah disimpulkan dalam hal ini bahawa hanyalah peserta yang mempunyai asas dalam seni tarannum dapat menyertai pertandingan ini. Justeru, pertandingan ini menjadi sebab terhadap timbulnya usaha-usaha untuk mempelajari seni tarannum di kalangan masyarakat sejak awal penganjurannya.

Di antara perkara-perkara penting yang dihakimi di dalam bidang tarannum di Majlis Tilawah Al-Quran ialah:

- a) Kemampuan untuk mengalunkan sekurang-kurangnya empat lagu di dalam bacaan;
- b) Kemampuan menyempurnakan 4 *harakat*¹ dalam setiap lagu tanpa berulang;
- c) Kemampuan untuk mengalunkan semua lagu dengan sekurang-kurangnya 3 *tobaqat*² suara iaitu *qarar*³, *nawa*⁴ dan *jawab*⁵ atau *nawa*, *jawab* dan *jawabul jawab*⁶;
- d) Kemampuan untuk menunaikan *waslah al-mumathalah*⁷ di dalam bacaan;
- e) Kemampuan untuk mengalunkan tarannum dengan berlahjah Arab dengan *qit'ah-qit'ah*⁸ yang menarik;
- f) Kebolehan untuk mengalunkan lebih daripada tarannum-tarannum yang diwajibkan;
- g) Kemampuan untuk menyesuaikan tarannum dengan makna ayat tanpa lari dari kaedah Tajwid dan Usul;
- h) Membawa *burdah-burdah*⁹ tarannum bil Quran yang menarik;
- i) Bacaan yang mempunyai salalim nuzul atau salalim su'ud yang menarik pada setiap tarannum dalam mana-mana harakat (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2017).

Tokoh-tokoh Bidang Tarannum Melalui Majlis Tilawah Al-Quran

Perkembangan seni tarannum al-Quran juga banyak dipengaruhi oleh faktor Majlis Tilawah Al-Quran yang bermula sejak 1960 lagi. Ini kerana ia melahirkan ramai qari dan qariah hasil daripada pertandingan yang diadakan (Shafiza Safie, 2018). Sebelum penganjuran majlis ini, seni ini merupakan seni yang masih belum dikenali oleh masyarakat Islam, oleh yang demikian masih sedikit orang yang mengetahui dan mahir tentang seni ini. Namun, penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh qari dan qariah yang kemudiannya menyebarkan dan mengajarkan ilmu ini di dalam masyarakat.

Jadual 2: Tokoh-tokoh MTQ Kebangsaan

| Nama | Jumlah Kejuaaran |
|---|------------------|
| Haji Ismail bin Hasyim (Kedah) | 9 kali |
| Haji Abd. Ghani @ Abd. Hak bin Abdullah (Kedah) | 5 kali |

¹ Harakat ialah suatu alunan irama yang mengandungi beberapa qit'ah dengan satu mahattahnya. Sila rujuk Nik Jaafar Nik Ismail (2011), *Qawaid Tarannum (Cara Berlagu)*, Kuala Lumpur: Darul Fikir. Dalam Bahasa yang lebih mudah ia bolehlah ditakrifkan sebagai satu alunan yang sempurna bagi sesebuah alunan lagu yang diaplikasikan ke atas satu petikan ayat.

² Tobaqat bermaksud tingkatan suara.

³ Qarar ialah tingkatan suara paling rendah yang mampu dihasilkan oleh manusia.

⁴ Nawa ialah tingkatan suara sederhana

⁵ Jawab ialah tingkatan suara tinggi yang berfungsi melalui hidung

⁶ Jawabul Jawab ialah tingkatan suara paling tinggi dan biasa digelar sebagai suara otak

⁷ Waslah al-Mumathalah ialah gabungan dua lagu (samada lagu usul ataupun furu') di dalam satu alunan harakat bacaan.

⁸ Qit'ah ialah suatu alunan yang paling pendek tanpa mahattah.

⁹ Burdah ialah getaran suara samada asli mahupun sina'ie.

| | |
|---|--------|
| Haji Abdul Rahim Ahmad (Kelantan) | 3 kali |
| Haji Ahmad bin Awang Teh (Terengganu) | 3 kali |
| Hajjah Faridah binti Mat Saman (Kelantan) | 9 kali |
| Hajjah Rogayah binti Sulong (Terengganu) | 7 kali |
| Hajjah Rahmas binti Abdullah (Johor) | 5 kali |

(Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2007)

Jadual 2 menunjukkan tokoh-tokoh yang telah berjaya menjuarai Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan (MTQK) sebanyak 3 kali dan ke atas. Mereka merupakan di antara generasi awal qari dan qariah yang berjaya mencapai kecemerlangan di dalam majlis yang berprestij ini. Selain daripada kejayaan tersebut, mereka juga berperanan sebagai guru yang mengajar serta para qari dan qariah lain dengan seni pembacaan Al-Quran secara bertarannum. Hajjah Faridah binti Mat Saman misalnya, beliau menjadi guru Al-Quran dan tarannum Al-Quran di rumahnya, di surau dan di masjid-masjid. Beliau tidak lokek dalam berkongsi ilmu tarannum dan sentiasa memenuhi jemputan mengajar Al-Quran dan Tarannum di dalam mahupun di luar negara selagi mana masyarakat memerlukan khidmat baktinya dalam perkara tersebut. Antara muridnya yang berjaya meneruskan kesinambungannya dalam tarannum Al-Quran iaitu dengan menyandang Johan Peringkat Kebangsaan ialah Hajjah Rahmah binti Abdul Rahman, Hajjah Amnah binti Haji Ayub dan Ustaz Che Yahaya bin Daud. (Shafiza Safie, 2018)

Manakala Haji Rahim Ahmad, beliau sehingga kini masih mengajar dan mendidik qari dan qariah baik yang sudah lama mahupun yang masih baru berkecimpung di dalam dunia tilawah Al-Quran. Antara harapan beliau ialah supaya generasi qari dan qariah muda di negara ini dapat menghayati ciri-ciri bacaan bertarannum secara berlahjah Arab. Oleh kerana itu, dalam sesi pengajaran dan pembelajaran beliau sentiasa menerapkan bentuk bacaan yang berorientasikan gaya Syeikh Mustafa Ismail dari Mesir kerana baginya Syeikh Mustafa mempunyai kesenian di dalam bacaan yang tiada tolok bandingnya dengan qari lain (Ahmad, 2020). Menurut Abdul Rahim (2020), pada masa kini beliau membuka kelas tarannum di beberapa buah masjid seperti Masjid Kubang Kerian, Masjid Asy-Syakirin KLCC, dan sering diundang untuk menjadi penceramah di bengkel tahsin qari dan qariah yang dianjurkan oleh jabatan-jabatan agama negeri seperti Jabatan Agama Islam Kelantan, Jabatan Agama Islam Perak, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan, Jabatan Agama Islam Terengganu, dan lain-lain lagi.

Sementara itu, Hajjah Rogayah Sulong merupakan seorang tokoh qariah yang berasal daripada Negeri Terengganu Darul Iman. Beliau merupakan seorang guru yang mahsyur di negeri berkenaan dan telah berjaya melahirkan ramai pelapis qari dan qariah yang berjaya di dalam Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Beliau sendiri merupakan Johan di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan sebanyak 7 kali dan Johan di Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa sebanyak 4 kali (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2003). Menurut kajian Najmiah (2017), Hajjah Rogayah Sulong telah menjadi menjadi guru Al-Quran dan Tarannum sejak 1961 hingga sekarang di bawah kelolaan kerajaan negeri Terengganu. Kini beliau masih lagi mengajar al-Quran kepada masyarakat kampung di sekitar Kuala-Terengganu

dan Kuala Berang. Beliau juga turut mengajar guru-guru al-Quran kelolaan Yayasan Islam Terengganu, dan juga para qari dan qariah yang ingin memperbetulkan bacaan al-Quran mereka. Kegigihan beliau mendidik anak-anak muridnya membuah hasil apabila ada di antara mereka berjaya menjadi Johan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Mereka ialah Haji Muhammad bin Awang Teh, Hajjah Sepiah bin Muhammad, Hajjah Masnah Awang, dan lain-lain lagi.

Penerbitan Program Berkaitan Tarannum Di Media Massa

Media massa adalah alat interaksi sosial yang memainkan berbagai peranan penting dalam masyarakat terutama sebagai alat perantara (Asiah Sarji, 2008). Menurut kajian Anuar (2016), sebelum wujudnya kesedaran masyarakat Islam di Malaysia tentang seni tarannum Al-Quran, Majlis Tilawah Al-Quran yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia merupakan satu-satunya program yang diterbitkan di media massa yang menonjolkan seni bacaan secara bertarannum. Ia disiarkan melalui RTM1. Setelah berlalunya masa, maka masyarakat dilihat semakin minat dengan seni tarannum. Menerusi permintaan tersebut, maka lahirlah usaha-usaha di kalangan penggiat media massa untuk menerbitkan rancangan-rancangan baharu yang berkaitan dengan seni tarannum. Dengan itu lahirlah rancangan Akademi Al-Quran TV9 (2006), Tilawah Interaktif, Qari Junior (2012), Kalam Suci (2009), dan lain-lain.

Rancangan-rancangan ini telah berjaya memperluaskan lagi pengetahuan berkenaan dengan ilmu Al-Quran khususnya seni tarannum apabila ia mendapat sambutan yang sangat memberangsangkan daripada para penonton. Menurut Syukri Abdullah (2015), penerbit rancangan Akademi Al-Quran TV9, rancangan tersebut telah meraih seramai 1.8 juta penonton pada musim pertama ia diperkenalkan. Rancangan Akademi Al-Quran merupakan suatu platform pertandingan tilawah Al-Quran yang berlainan daripada Majlis Tilawah Al-Quran kerana melaluinya, peserta akan diuji dengan soalan tarannum secara spontan oleh juri tarannum dan itu membuatnya lebih mencabar daripada kajian perujian yang terdapat di dalam Majlis Tilawah Kebangsaan dan Antarabangsa (Ali, 2020).

Selain itu satu pembaharuan juga telah dilakukan ke atas rancangan Tilawah Interaktif di TV1. Bermula pada musim baru 2020, rancangan ini selain menampilkan tokoh-tokoh hebat sebagai panel iaitu Dr. Muhammad Lukman Ibrahim, Ustaz Amirahman Abas dan Ustaz Wan Ainuddin Hilmi Abdullah, ia juga menonjolkan seni tarannum sebagai salah satu elemen yang diketengahkan kepada masyarakat. Penekanan diberikan ke atas jenis tarannum yang dibaca oleh panel sebagai contoh Rast, Bayyati ataupun Hijaz dengan mengaplikasikannya ke atas petikan ayat mingguan yang telah ditetapkan oleh penerbit. Ini bertujuan untuk menarik minat golongan muda bagi mempelajari seni tarannum (Mukhlis, 2020). Selain itu, penonton berpeluang untuk memenangi hadiah baucer wang tunai sekiranya dipilih oleh juri sebagai pembaca terbaik mingguan.

Penawaran Subjek Tarannum Di Institusi-Institusi Pengajian

Penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran telah memberi kesan terhadap sistem pengajian Al-Quran di Malaysia. Sebelum ini, seni tarannum hanya dipelajari secara tradisional di masjid-masjid, pondok-pondok dan rumah guru dan johan-johan majlis tilawah (Anuar Hasin, 2014). Pada masa kini, matapelajaran seni tarannum telah ditawarkan di institusi-institusi pengajian di negara ini. Sebagai contoh, di Universiti Sains Islam Malaysia, matapelajaran tarannum ditawarkan sebagai kursus di Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah. Melalui subjek ini, pelajar akan mempelajari tentang pentakrifan ilmu tarannum serta perkaitannya dengan ilmu suara, mengenali serta mempraktikkan 7 lagu di dalam disiplin ilmu maqamat, dan kaedah membezakan ke tujuh-tujuh maqamat tersebut di dalam pembacaan Al-Quran.¹⁰

Selain itu, kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia melalui Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) telah mengadakan Kelas Kemahiran al-Quran (KKQ) dan telah dilaksanakan di sekolah menengah kebangsaan agama (SMKA) sejak tahun 1986 hingga sekarang. Pelaksanaan ini berdasarkan keputusan mesyuarat Jawatan kuasa Perancangan Pelajaran (JPP) pada tahun 1985. Kelas ini juga merupakan salah satu dari kokurikulum di SMKA dan KAA (Kelas Aliran Agama). Berdasarkan peraturan KP (BPPP)Sulit/03/9/JPP/M(87) kelas ini hendaklah dilaksanakan di sekolah tertentu. Oleh kerana ia adalah sebahagian daripada aktiviti kokurikulum, maka perlaksananya dijalankan diluar waktu jadual rasmi sekolah. Di antara ilmu dan kemahiran yang didedahkan kepada para pelajar yang mengikuti kelas ini ialah tafsir, hafalan, tajwid, tarannum, ulum al-Quran dan qiraat al-Sab'ie (Mohd Faisal Mohamed, 2012). Selain itu, kursus tarannum turut ditawarkan di Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra, Universiti Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia dan beberapa institusi lain.

Kesimpulan

Penganjuran Majlis Tilawah Al-Quran telah memainkan peranan yang penting terhadap perkembangan seni tarannum tanah air. Melaluinya masyarakat Islam di negara ini telah mula mengenali seni bacaan Al-Quran secara berlagu. Disamping itu, masyarakat juga menjadi semakin minat dan sedar akan kepentingan ilmu Al-Quran di dalam kehidupan mereka. Majlis Tilawah Al-Quran yang diadakan pada saban tahun ini juga telah banyak menyumbang terhadap kelahiran para tokoh qari dan qariah yang bermutu tinggi dari sudut seni persembahan bacaan Al-Quran. Mereka juga tidak ketinggalan dalam memainkan peranan sebagai pendidik yang melahirkan generasi qari dan qariah yang baru dan berpotensi untuk diketengahkan pada masa akan datang. Penerbitan siaran langsung Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa juga telah menjadi pemangkin terhadap pertumbuhan dan percambahan rancangan-rancangan yang berkaitan dengan seni ini di media massa. Paling membanggakan ialah apabila seni tarannum telah menjadi

¹⁰ Rujuk e-panduan Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia.

suatu kursus ilmiah yang disusun secara berstruktur dan dipelajari di institusi-institusi pendidikan di negara ini.

Melalui kajian ini, telah terbukti bahawa Majlis Tilawah Al-Quran di Malaysia mempunyai kesan yang sangat signifikan terhadap perkembangan seni tarannum di negara ini. Maka ia seharusnya diteruskan dan ditambahbaik penganjurannya pada masa akan datang supaya hasil yang diperolehi dari majlis ini dapat memberi impak yang tinggi terhadap peningkatan mutu dan kualiti para penggiat seni tilawah tanahair. Sebarang usaha untuk memperbaharui atau menambahbaik penganjurannya oleh pihak JAKIM haruslah dipandang serius dan diberi perhatian oleh kerajaan Malaysia. Semoga dengan itu, bidang seni tarannum akan terus berkembang pesat pada masa akan datang.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Abdullah, W. H. (2010). *Fannu Tilawah Al-Quran*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Ahmad, A. R. (27 September, 2020). Sumbangan Haji Abd Rahim Ahmad Terhadap Seni Tarannum. (A. b. Hasin, Interviewer)

Ali, A. T. (28 Oktober, 2020). Keistimewaan Akademi Al-Quran Berbanding MTQ. (A. b. Hasin, Interviewer)

Anuar Hasin, Z. Y. (2014). Tathawwur Fann Al-Tarannum Fi Maliziya: Dirasah Tarikhiyyah wa Ilmiyyah. *Jurnal Maalim Al-Quran Wa As-Sunnah*.

Anuar Hasin. (2016). *Baramij Tanmiyyah 'Ilm Al-Tarannum Fi Maliziya: Dirasah Tahliliyyah Tathbiqiyyah ala Maslahah Al-Syu'un Al-Islamiyyah Al-Maliziyyah*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

Asiah Sarji, E. A. (2008). MEDIA SEBAGAI ALAT PEMBANGUNAN MASYARAKAT ISLAM DI INDONESIA: PENDEKATAN SISTEM. *Jurnal Ilmiah Ilmu Komunikasi*, 28.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2003). *Sejarah Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2007). *Johan Qari & Qariah Malaysia : Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa 1379H/1960M-1427H/2006M*.

Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2007). *Khamsun 'Aman 'Ala al-Ihtifal Bi Tilawah al-Quran Bi Maliziya*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (2008). *50 Tahun Tilawah Al-Quran Malaysia*. Putrajaya: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Retrieved from Wikipedia.

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (1 Jan, 2017). Retrieved from http://www.islam.gov.my/images/muat-turun/Peraturan_MTQK_Pindaan_2016.pdf

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. (16 Mac, 2020). Retrieved from <http://www.islam.gov.my/media-jakim/kenyataan-media/2372-kenyataan-media-ketua-pengarah-jabatan-kemajuan-islam-malaysia-berkenaan-penangguhan-majlis-tilawah-dan-menghafaz-al-quran-peringkat-antarabangsa-tahun-1441h-2020m>

- Mohd Faisal Mohamed, W. H. (2012). Kelas Kemahiran Al-Quran Ke Arah Pembangunan Generasi Al-Quran Di Malaysia. *Edukasia Islamika*, 1-12.
- Mukhlis, M. A. (29 Oktober, 2020). Pendekatan Rancangan Tilawah Interaktif Musim Baru 2020. (A. b. Hasin, Interviewer)
- Najmiah Omar. (2017). *Pengajian Tarannum Al-Quran di Terengganu Dari Tahun 1960-2003*. Kuala Lumpur: Jabatan Al-Quran dan Hadith, Universiti Malaya.
- Nik Jaafar Nik Ismail. (2011). *Qawaid Al-Tarannum (Cara Berlagu)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Shafiza Safie, Z. M. (2018). Pengajian Tarannum Sebelum Dan Semasa Era Datuk Hajjah Faridah Binti Mat Saman. *Jurnal Al-Turath*, 39.